

KAJIAN TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN BERKAITAN ALAM SEKITAR DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA, SMK MAJAKIR, PAPAR

Pengenalan

Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu proses pembelajaran tentang persekitaran yang melibatkan interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana harus mengurus alam sekitar dengan bijak bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap alam sekitar. Masalah alam sekitar yang semakin serius telah meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa pentingnya memelihara alam sekitar dari terus tercemar. Kesedaran menjaga alam sekitar melalui pendidikan merupakan agen perubahan yang paling berpengaruh dalam masyarakat dalam menangani isu-isu alam sekitar. Institusi pendidikan seperti sekolah menjadi saluran utama pendidikan alam sekitar kepada masyarakat yang ada pada hari ini. Pengetahuan amalan alam sekitar golongan awal usia ini amat berpotensi mempengaruhi amalan mereka pada masa hadapan.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti sejauh mana pelajar-pelajar berilmu dalam isu alam sekitar dan mengamalkannya. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian disasarkan untuk meneliti apakah tahap pengetahuan alam sekitar dan tahap amalan hijau pelajar-pelajar sekolah ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Responen kajian yang terlibat ialah pelajar tingkatan lima SMK Majakir, Papar. Sebanyak 170 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian (Jadual 1). Asas pengukuran pencapaian diukur dalam peratus (Jadual 2).

Jadual 1: Pembangunan Instrumen Kajian

Bahagain	Bilangan Item	Penerangan Soalan
A	3	Soalan adalah mengenai profil demografi responden iaitu jantina, bangsa, agama dan saluran maklumat.
B	10	Soalan adalah mengenai tahap pengetahuan tentang alam sekitar.
C	10	Soalan adalah mengenai amalan berkaitan alam sekitar.

Jadual 2: Asas Pengukuran Pencapaian

Peratus (%)	Tahap Pencapaian
80 - 100	Cemerlang
66 - 79	Baik
40 - 65	Memuaskan
0 -39	Tidak Memuaskan

HASIL KAJIAN

Bilangan keseluruhan responden yang mengisi borang soal selidik adalah sebanyak 170 orang.

Jadual 3: Demografi responden

Item	Peratus (%)
1. Jantina	
Lelaki	47
Perempuan	53
2. Bangsa	
Melayu / Bumiputera	100
Cina	-
India	-
Lain-lain	-
3. Agama	
Islam	91
Kristian	9
Buddha	-
Lain-lain	-

Berdasarkan Jadual 3, didapati responden terdiri daripada 47% pelajar lelaki dan 53% pelajar perempuan. 100% daripada responden berbangsa Melayu / Bumiputera. Sebanyak 91% pelajar beragama Islam manakala sebanyak 9% pelajar beragama Kristian.

Jadual 4: Respon tahap pengetahuan tentang kesedaran alam sekitar

Bil.	Soalan	Peratus (%)
1.	Saya tahu tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.	94
2.	Saya pernah menghadiri kempen berkaitan alam sekitar	82
3.	Saya tahu tentang konsep kitar semula.	91
4.	Saya tahu membezakan tong kitar semula yang disediakan.	66
5.	Saya tahu bahawa pencairan ais di kutub akan menyebabkan paras air laut semakin meningkat.	76
6.	Saya tahu bahawa perubahan iklim dunia adalah disebabkan tindakan manusia terhadap alam sekitar.	88
7.	Saya tahu pemanasan global akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan manusia	90
8.	Saya tahu penurunan tahap kualiti udara memberi kesan buruk terhadap kesihatan manusia.	88
9.	Saya tahu pada masa akan datang, air bersih akan menjadi sumber yang susah diperolehi.	85
10.	Saya tahu tindakan yang saya lakukan akan meninggalkan kesan kepada alam sekitar	76

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang kesedaran alam sekitar berada pada tahap yang cemerlang dan baik. Item yang mendapat peratus paling rendah ialah Item 4. Hal ini menunjukkan bahawa 66% pelajar tidak dapat membezakan tong kitar semula yang disediakan. Item 1 mendapat peratus paling tinggi dengan 94% iaitu pelajar-pelajar sedar tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. 82% pelajar pernah menghadiri kempen berkaitan alam sekitar. Sebanyak 91% pelajar tahu tentang konsep kitar semula. 76% pelajar tahu bahawa pencairan ais di kutub akan menyebabkan paras air laut semakin meningkat dan tindakan yang saya lakukan akan meninggalkan kesan kepada alam sekitar. Sebanyak 88% pelajar tahu bahawa perubahan iklim dunia adalah disebabkan tindakan manusia terhadap alam sekitar serta penurunan tahap kualiti udara memberi kesan buruk terhadap kesihatan manusia. 90% pelajar tahu pemanasan global akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan manusia. Sebanyak 85% pelajar tahu pada masa akan datang, air bersih akan menjadi sumber yang susah diperolehi.

Jadual 5: Respon amalan terhadap isu alam sekitar

Bil	Soalan	Peratus (%)
1.	Saya mengamalkan proses kitar semula.	71
2.	Saya tidak membazir semasa menggunakan air.	74
3.	Saya akan mengutip sampah yang bertaburan di atas jalan.	76
4.	Saya menyakinkan ahli keluarga membeli produk yang boleh dikitar semula.	68
5.	Saya sentiasa mengambil berat tentang isu alam sekitar yang terkini.	75
6.	Saya akan memastikan suis lampu dan kipas ditutup sebelum meninggalkan bilik.	78
7.	Saya membawa bekas sendiri semasa membeli makanan di kantin sekolah.	59
8.	Saya melibatkan diri dalam program gotong royong.	74
9.	Saya tidak mengamalkan pembakaran terbuka.	86
10.	Saya menyakinkan ahli keluarga supaya tidak membeli produk yang boleh merosakkan alam sekitar.	78

Berdasarkan Jadual 5, hanya satu item yang mencapai tahap cemerlang iaitu tidak mengamalkan pembakaran terbuka (86%). Terdapat lapan item yang mencapai tahap baik. Item 7 mencapai tahap memuaskan dengan 59%. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak membawa bekas sendiri semasa membeli makanan di kantin. Sebanyak 71% pelajar mengamalkan proses kitar semula. 74% pelajar tidak membazir semasa menggunakan air. Terdapat 68% pelajar akan menyakinkan ahli keluarga mereka untuk membeli produk yang boleh dikitar semula. 75% pelajar sentiasa mengambil berat tentang isu alam sekitar yang terkini. Sebanyak 78% akan memastikan suis lampu dan kipas ditutup sebelum meninggalkan bilik. 74% pelajar melibatkan diri dalam program gotong royong. Akhir sekali, 78% pelajar menyakinkan ahli keluarga supaya tidak membeli produk yang boleh merosakkan alam sekitar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelajar tingkatan lima SMK Majakir, Papar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai alam sekitar. Namun, tahap amalan mereka adalah kurang daripada tahap pengetahuan mereka. Hal ini menunjukkan mereka mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tetapi kurang mengamalkannya. Dalam mencapai tahap kesedaran alam sekitar yang ideal, pengukuhan pengetahuan alam sekitar menerusi aktiviti atau program yang berterusan amat membantu. Pihak sekolah perlu menyemai bibit-bibit kecintaan kepada penjagaan alam sekitar dalam jangka masa panjang. Melalui cara ini, kesedaran alam sekitar secara tidak langsung boleh diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku yang positif terhadap alam sekitar sama ada di dalam mahupun di luar sekolah.